

TEMBIKAR DUSUN MINOKOK DI KAMPUNG KOTODON, TONGOD, SABAH: REKOD ETNOGRAFI AWAL

DUSUN MINOKOK POTTERY AT KAMPUNG KOTODON, TONGOD, SABAH: AN EARLY ETHNOGRAPHY RECORD

Suresh Narayanan

Abstrak

Makalah ini membincangkan hasil kajian etnografi tentang pembuatan tembikar Dusun di Kampung Kotodon, Tongod, Sabah. Kajian ini telah dijalankan oleh penulis dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang bersama Jabatan Muzium Sabah, Kota Kinabalu pada tahun 2012. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mendapatkan data dan maklumat tentang tembikar yang dibuat oleh etnik Dusun Minokok secara turun-temurun di kawasan Ulu Tongod, Sabah. Tiga kaedah telah digunakan dalam kajian ini iaitu survei etnografi, temu bual dan pemerhatian bersama. Hasil kajian tersebut telah memberikan informasi baharu tentang teknologi, jenis dan fungsi tembikar tradisional Dusun Minokok di Kampung Kotodon. Selain itu, kajian ini telah menyumbang maklumat tentang asal-usul dan sejarah pembuatan tembikar Dusun yang mempunyai hubungan budaya dengan komuniti pembuat tembikar di Kampung Donggison, Ulu Tongod sekitar 1930an.

Kata Kunci: Etnografi, tembikar tradisional, Dusun Minokok, Ulu Tongod, Sabah

Abstract

This paper discusses the results of the ethnography study conducted on Dusun pottery-making at Kampung Kotodon in Tongod, Sabah. This study was carried out by the author from the Centre for Global Archaeological Research, Universiti Sains Malaysia, Penang in collaboration with the Sabah Museum Department, Kota Kinabalu in 2012. The main purpose of this study was to gather data and information on pottery made by the Dusun Minokok ethnic group for generations in the area of Ulu Tongod, Sabah. Three methods used in this study were ethnography survey, interviews and participant observation. The study has provided new information mainly on the technology, types and functions of traditional pottery made by the Dusun Minokok potters at Kampung Kotodon. Besides, the study also contributed details on the origin and history of Dusun Minokok pottery-making which has cultural links to pottery-making community of Kampung Donggison in Ulu Tongod somewhere in the 1930s.

Keywords: *Ethnography, traditional pottery, Dusun Minokok, Ulu Tongod, Sabah*

PENGENALAN


Pada tahun 2012, kajian etnografi tentang pembuatan tembikar Dusun telah dijalankan oleh penulis dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Muzium Sabah, Kota Kinabalu di Kampung Kotodon, Tongod, Sabah. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat tentang teknologi, jenis dan fungsi tembikar yang dibuat oleh etnik Dusun Minokok di Kampung Kotodon dan Ulu Tongod sejak awal tahun 1930-an. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan informasi tentang sejarah dan asal-usul pembuat tembikar Dusun di Tongod, Sabah.

Secara umumnya, tembikar Dusun di Sabah kurang mendapat perhatian daripada para pengkaji khususnya daripada bidang antropologi, sejarah dan arkeologi. Alman (1960), Pike (1970) dan Regis & John-Baptist (1984) merupakan antara pengkaji-pengkaji awal yang pernah membuat kajian tentang tembikar Dusun di Sabah. Walau bagaimanapun, kajian mereka bersifat selektif dan berfokus di beberapa buah kawasan sahaja, khususnya di daerah Tuaran dan Ranau. Pada tahun 2009, satu survei etnografi ringkas telah dijalankan oleh staf dari Muzium Sandakan di Tongod dan Telupid. Hasil survei tersebut telah menjumpai sekumpulan pembuat tembikar Dusun di Kampung Kotodon (Tan Chin Hock, komunikasi peribadi, 1 Oktober 2012, staf Muzium Sandakan; kini bertugas di Jabatan Muzium Sabah, Kota Kinabalu). Ketika survei etnografi tersebut, proses dan teknik membuat tembikar serta koleksi tembikar Dusun yang dibuat di Kampung Kotodon pada tahun 1980-an telah direkodkan. Namun, hasil kajian tersebut tidak diterbitkan oleh Jabatan Muzium Sabah kerana informasinya terlalu sedikit dan tidak lengkap (Tan Chin Hock, komunikasi peribadi, 1 Oktober 2012). Tembikar Dusun di perkampungan Melangkap berhampiran Sungai Panataran dan Kedamaian, Kota Belud pernah dikaji dan dilaporkan oleh Suresh & Chia (2013 & 2014). Kajian mereka juga menunjukkan bahawa tembikar Dusun pernah dibuat di beberapa buah kampung di daerah Ranau, Tuaran, Papar, Tambunan dan Keningau sehingga akhir tahun 1970-an (Suresh & Chia 2013 & 2014; Suresh 2017).

Oleh kerana data dan maklumat tentang tembikar Dusun di Tongod masih sedikit dan tidak lengkap, maka satu kajian etnografi yang sistematik telah dijalankan di Kampung Kotodon dan kawasan-kawasan sekitarnya untuk mendapatkan informasi tentang teknologi, jenis dan fungsi tembikar Dusun Minokok. Kajian ini penting kerana seni tembikar Dusun di Sabah sedang mengalami kepupusan dan akan hilang daripada kaca mata masyarakat Malaysia dan Borneo sekiranya tidak ada dokumentasi yang lengkap dan menyeluruh dibuat tentang tradisi ini. Kajian ini dipercayai dapat menyumbang data dan maklumat baharu tentang sejarah, asal-usul dan tradisi tembikar Dusun Minokok di Sabah serta menjadi sumber rujukan yang sesuai untuk tatapan pengkaji dan generasi yang akan datang di Malaysia, amnya.

Kerja lapangan Etnografi di Tongod, Sabah

Kerja lapangan etnografi di Tongod, Sabah telah dijalankan selama tiga hari iaitu dari 26 November hingga 28 November 2012. Survei telah dijalankan di beberapa buah kampung di sekitar pekan Telupid dan Tongod dengan bantuan dua orang staf dari Jabatan Muzium Sabah, Kota Kinabalu iaitu En. Tan Chin Hock dan En. Jamain Musi. Hasil kerja lapangan etnografi mendapati bahawa tembikar Dusun hanya dibuat di sebuah kampung iaitu Kampung Kotodon, terletak kira-kira 10 kilometer dari pekan Telupid (Peta 1). Pada tahun 2010, pembuatan tembikar Dusun di Kampung Kotodon telah dihentikan buat sementara waktu kerana kurangnya permintaan atau tempahan daripada penduduk tempatan.



Peta 1. Lokasi Kampung Kotodon di daerah Tongod, Sabah
(Sumber: Dimodifikasi daripada peta koleksi Pejabat Pembangunan Daerah Tongod, Sabah)


HASIL KAJIAN

Di Kampung Kotodon (lat. $05^{\circ}32'23.5''$ Utara dan long. $117^{\circ}01'17.4''$ Timur, 112 meter di atas paras laut), terdapat lima orang pembuat tembikar Dusun (tiga perempuan dan dua lelaki) iaitu Sulamit binti Padoh, Man Jalina binti Sayang, Abit binti Awang, Japani bin Sayang dan Pitalai Yumsegi (Foto 1). Kesemua mereka merupakan etnik Dusun Minokok dan berasal dari Kampung Donggison, Ulu Tongod.



Foto 1. Pembuat tembikar Dusun di Kampung Kotodon, Tongod (dari kiri ke kanan) Sulamit binti Padoh, Man Jalina binti Sayang, Abit binti Awang, Japani bin Sayang dan Pitalai Yumsegi

Pitalai Yumsegi mempunyai lebih 40 tahun pengalaman dalam pembuatan tembikar Dusun (Foto 1). Beliau telah mempelajari teknik membuat tembikar daripada ibunya iaitu Ravid (Carta 1). Ravid merupakan pembuat tembikar terkenal di Kampung Donggison sekitar tahun 1930-an (Pitalai Yumsegi, komunikasi peribadi, 25 November 2012). Pada awalnya, Pitalai hanya membantu Ravid untuk mencari dan menumbuk tanah liat. Ketika usia 17 tahun, Pitalai mula mempelajari teknik membentuk, mengemas dan membakar tembikar. Beliau juga pernah melatih penduduk di Ulu Tongod untuk membuat tembikar antara tahun 1960-an dan 1970-an. Pitalai mempunyai tiga orang kakak, Lapina, Lotikoi dan Lombiek, dan kesemua mereka tidak pandai membuat tembikar Dusun (Carta 1).



Nota
*l = lelaki
*p = perempuan
*? = nama tidak diketahui

Carta 1. Susur-galur keluarga Pitalai Yumsegi di Kampung Donggison, Ulu Tongod

Abit binti Awang mempunyai 20 tahun pengalaman dalam pembuatan tembikar Dusun manakala Sulamit binti Padoh, Man Jalina binti Sayang dan Japani bin Sayang tidak mahir membuat

tembikar (Foto 1). Mereka pernah membantu ibu dan nenek mereka melakukan kerja-kerja mudah seperti mencari tanah liat dan kayu api di Kampung Donggison. Selepas berpindah ke Kampung Kotodon pada pertengahan tahun 1970-an, mereka mula membantu dan mempelajari cara membuat tembikar daripada Pitalai Yumsegi.

Ketika kerja lapangan etnografi di Kampung Kotodon pada tahun 2012, kesemua pembuat tembikar telah ditemu bual untuk mendapatkan data dan maklumat tentang teknologi, jenis dan fungsi tembikar Dusun Minokok. Mereka juga telah bersetuju untuk menunjukkan demonstrasi membuat tembikar daripada peringkat pengumpulan tanah liat hingga pembakaran tembikar. Berikut dibincangkan proses membuat tembikar Dusun Minokok yang direkodkan di Kampung Kotodon, Tongod, Sabah.

Teknologi Tembikar Dusun Minokok

Di Tongod, tanah liat untuk membuat tembikar diambil dari kawasan ladang kelapa sawit yang terletak di antara Kampung Sanan dan Kampung Semundoh (Peta 1; Foto 2). Tanah liat berwarna kuning kemerahan (*Dokoton*) merupakan pilihan utama pembuat tembikar Dusun di Kampung Kotodon. Di Ulu Tongod, tanah liat dikenali sebagai *Dodokuton* dalam kalangan pembuat tembikar Dusun Minokok (Foto 3). Tanah liat tidak dijemur tetapi dipicit-picit untuk mengeluarkan bendasing seperti akar dan batu-batu kecil (Foto 4). Kemudian, tanah liat diuli sehingga menjadi sebatl (Foto 5). Lazimnya, proses menguli tanah liat dilakukan di atas sekeping papan yang dibalut dengan plastik. *Waoig* iaitu air dicampur dalam kuantiti yang sedikit untuk memudahkan proses menguli.



Foto 2. Parit tanah liat di ladang kelapa sawit yang terletak di sempadan Kampung Sanan dan Kampung Semundoh, Tongod



Foto 3. Pitalai sedang memilih tanah liat yang sesuai untuk membuat tembikar



Foto 4. Akar dan batu kecil yang dijumpai dalam tanah liat dibuang



Foto 5. Tanah liat dicampur sedikit air dan diuli sehingga sehati

Selepas diuli, tanah liat dibuat dalam bentuk silinder, berukuran 15-20 cm tinggi dan 10-12 cm lebar (Foto 6). Dua jenis alat utama yang digunakan untuk membentuk tembikar adalah *Woworun* (kayu pemukul) dan *Tuliob* (batu pebel). Bahagian pemegang kayu pemukul (*Pomiluwang*) digunakan untuk membuat lubang pada bahagian pusat silinder tanah liat (Foto 7). Proses ini dikenali sebagai *Momiluwang* dalam kalangan pembuat tembikar Dusun di Kampung Kotodon. Lubang yang dibuat pada silinder tanah liat dibesarkan secara perlahan-lahan menggunakan tangan sehingga bentuk asas tembikar diperoleh (Foto 8 & Foto 9).



Foto 6. Tanah liat dibuat dalam bentuk silinder



Foto 7. Bahagian pemegang Woworun digunakan untuk membuat lubang pada silinder tanah liat



Foto 8. Lubang mulut tembikar dibesarkan secara beransur-ansur



Foto 9. Bentuk asas tembikar diperoleh menggunakan teknik picitan tangan

Dalam pembuatan tembikar Dusun Minokok, teknik kayu pemukul dan batu pelandas (*paddle and anvil technique*) digunakan untuk membentuk dan menipiskan dinding tembikar (Foto 10). Menurut Pitalai Yumsegi (komunikasi peribadi, 25 November 2012), proses membentuk tembikar mengambil masa sekurang-kurangnya dua hari kerana teknik kayu pemukul dan batu pelandas dijalankan secara perlahan-lahan supaya dinding tembikar tidak runtuh. Kayu pemukul (*Woworum*) yang digunakan oleh pembuat tembikar di Kampung Kotodon mempunyai ukiran garis selari yang dibuat secara mendatar (Foto 11). Ukiran hanya dibuat pada salah satu permukaan *Woworum* manakala satu lagi permukaan dibiarkan kosong (*plain*). Menurut Pitalai Yumsegi (komunikasi peribadi, 25 November 2012), *Woworum* digunakan untuk membentuk tembikar dan bukan untuk membuat hiasan pada tembikar. Namun, penggunaan kayu pemukul ketika proses pembentukan tembikar meninggalkan sedikit kesan tekanan (garis berputus-putus atau *ribbing-like design*) pada permukaan tembikar (Foto 12). Selepas proses pembentukan, tembikar dibiarkan kering di dalam *Sulap* (pondok) antara satu dan dua minggu. Tembikar yang cukup kering akan dibakar secara teknik pembakaran terbuka (*open-firing technique*) (Foto 13). Sebelum pembakaran, tembikar dijemur di bawah cahaya matahari selama 15 ke 20 minit. Bahan bakar yang digunakan untuk membakar tembikar terdiri daripada pelepah kelapa, buluh, ranting pokok dan daun-daun kering.



Foto 10. Pemukul kayu (*Woworum*) dan batu pelandas (batu pebel) digunakan untuk membentuk dan menipiskan dinding



Foto 11. Pemukul kayu (*Woworum*) dengan ukiran garis selari



Foto 12. Kesan corak tekanan (garis berputus-putus) pada permukaan tembikar



Foto 13. Pembakaran tembikar secara teknik terbuka

Bentuk dan Fungsi Tembikar Dusun Minokok

Di Kampung Kotodon, empat jenis tembikar yang buat oleh Pitalai dan rakan-rakannya adalah *Kuron* (periuk masak saiz besar), *Bozou* (periuk masak saiz kecil), *Sili* (teko) dan *Samat* (tempayan). *Kuron* digunakan untuk menanak nasi dan merebus ubi manakala *Bozou* digunakan untuk menyediakan ubat tradisional (Foto 14). *Samat* pula merupakan tempayan bersaiz besar yang

digunakan untuk menyimpan air dan *Sili* iaitu bekas berbentuk teko digunakan untuk menyediakan minuman untuk tetamu (Foto 15 & Foto 16). Menurut Pitalai Yumsegi (komunikasi peribadi, 25 November 2012), *Kuron*, *Samat* dan *Bozou* merupakan tiga jenis tembikar utama yang dibuat oleh pembuat tembikar Dusun Minokok di Ulu Tongod pada tahun 1930an.



Foto 14. *Kuron* (tembikar periuk masak saiz sederhana) di Kampung Kotodon



Foto 15. *Bozou* (tembikar periuk masak saiz kecil) di Kampung Kotodon



Foto 16. *Sili* (tembikar dalam bentuk teko) di Kampung Kotodon

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kerja lapangan etnografi di Kampung Kotodon, Tongod menunjukkan bahawa tembikar Dusun mula dibuat di kampung tersebut pada pertengahan atau akhir tahun 1970-an. Sebelum itu, tembikar Dusun telah dibuat di Ulu Tongod dan tradisi ini boleh dikesan sehingga ke awal tahun 1930-an. Kajian genealogi ke atas keluarga pembuat tembikar di Kampung Kotodon mendapati bahawa kesemua mereka berasal dari Kampung Donggison di Ulu Tongod. Menurut Pitalai Yumsegi (komunikasi peribadi, 25 November 2012), keluarga beliau telah mendiami dan membuat tembikar sejak turun-temurun di kawasan Ulu Tongod. Beliau juga percaya bahawa seni pembuatan tembikar Dusun Minokok merupakan tradisi tempatan dan tidak mempunyai pengaruh atau unsur budaya asing dari kawasan lain seperti Sarawak, Indonesia dan Filipina.

Penularan wabak malaria di kawasan Ulu Tongod pada awal tahun 1970-an serta ketiadaan kemudahan prasarana seperti sekolah, hospital dan jalan yang baik menyebabkan ramai penduduk berpindah ke pekan atau bandar berdekatan seperti Telupid dan Tongod. Sebahagian kecil keluarga pembuat tembikar Dusun di Kampung Donggison telah berpindah ke Kampung Sinuah, Keningau (Albinus Assim, komunikasi peribadi, 1 Oktober 2012, staf Jabatan Muzium Sabah, Kota Kinabalu). Di Kampung Sinuah, tembikar Dusun telah dibuat untuk satu tempoh masa yang pendek iaitu sehingga akhir tahun 1970-an. Anak-anak bekas pembuat tembikar Ulu Tongod masih menetap di kampung tersebut tetapi tiada yang pandai membuat tembikar. Pitalai Yumsegi dan keluarganya telah berpindah ke Kampung Kotodon pada tahun 1975.

Temu bual bersama pembuat tembikar Dusun Minokok di Kampung Kotodon mendapati bahawa seni tembikar Dusun diperturunkan kepada kaum wanita sahaja. Namun, pada tahun 1950-an, anak-anak lelaki pembuat tembikar Dusun di Ulu Tongod mula mempelajari teknik membuat tembikar. Menurut Pitalai Yumsegi (komunikasi peribadi, 25 November 2012), tembikar di Ulu Tongod tidak dijual tetapi dibuat untuk kegunaan keluarga pembuat tembikar sahaja. Tembikar ditukar dengan barang-barang keperluan harian seperti beras dan hasil hutan menggunakan sistem barter. Contohnya, *Kuron* ditukar dengan pakaian atau kain tenunan tradisional. Nilai tukaran sebiji *Kuron* bersaiz besar atau tempayan adalah bersamaan dengan 50 kilogram daging khinzir. Penduduk dari Kampung Lalampas sering berkunjung ke Kampung Donggison untuk menukar barang dagangan mereka dengan tembikar. Kini, Pitalai dan rakan-rakannya jarang membuat tembikar kerana susah mendapat tanah liat yang sesuai di sekitar kawasan Telupid. Selain itu, tembikar tidak mempunyai permintaan yang tinggi daripada pelanggan atau penduduk tempatan seperti pada tahun 1930-an dan 1950-an.

Daripada segi teknologi, tembikar Dusun dibuat secara tradisional menggunakan peralatan dan teknik yang digunakan secara turun-temurun sejak zaman nenek moyang masyarakat Dusun Minokok. Sebagai contoh, tembikar dibentuk menggunakan tangan tanpa melibatkan teknologi moden seperti mesin lempar alin (*banding wheel*) atau acuan (*casting*). Tiada bahan pewaja digunakan ketika proses penyediaan tanah liat. Dua jenis alat utama yang digunakan untuk membentuk tembikar adalah kayu pemukul dan batu pebel. Teknik kayu pemukul dan batu pelandas (*paddle and anvil technique*) digunakan untuk membentuk dan menipiskan dinding tembikar. Teknik pembakaran terbuka digunakan untuk membakar tembikar. Empat jenis tembikar yang dibuat oleh pembuat tembikar Dusun di Kampung Kotodon adalah *Kuron*, *Samat*, *Bozou* dan *Sili*. Kesemua tembikar ini merupakan '*utilitarian vessels*' iaitu bekas untuk kegunaan harian seperti memasak dan menyimpan air. Temu bual bersama pembuat tembikar dan warga emas di Telupid dan Tongod mendapati bahawa tembikar tidak digunakan dalam upacara pengebumian masyarakat Dusun Minokok.

Terdapat beberapa pantang larang dalam budaya tembikar Dusun Minokok. Ketika mengambil tanah liat, seseorang itu tidak dibenarkan kentut kerana dipercayai boleh menghilangkan kualiti tanah liat. Ini akan memberi kesan ketika proses pembentukan tembikar di mana tembikar tidak dapat dibentuk dengan baik atau mengalami keretakan ketika proses pengeringan atau pembakaran. Pantang larang ini sama dengan pantang larang yang diamalkan oleh pembuat tembikar Iban di Kapit, Sarawak (Freeman, 1957). Ketika pembakaran tembikar, orang ramai tidak dibenarkan untuk melihat atau berlari di sekitar kawasan tersebut. Sekiranya seseorang itu ingin melihat cara pembakaran tembikar, mereka harus membantu si pembuat tembikar mencari kayu api. Selain itu, kaum perempuan Dusun juga tidak dibenarkan untuk melangkah tembikar yang masih dalam keadaan separa kering.

Tembikar Dusun Minokok di Tongod mempunyai hubungan budaya dengan tembikar yang dibuat oleh masyarakat Dusun Tindal di Kampung Melangkap Kapa, Kota Belud. Tembikar Dusun Minokok dan tembikar Dusun Tindal berkongsi teknologi, jenis dan fungsi yang sama (Suresh & Chia 2013). Contohnya, tembikar Dusun Minokok dan tembikar Dusun Tindal dibuat secara teknik cubit dan picit (*hand-made*), teknik kayu pemukul dan batu pelandas (*paddle and anvil technique*), dan dibakar secara teknik pembakaran terbuka. Tembikar Dusun di Kampung Melangkap Kapa terdiri daripada beberapa jenis iaitu *Kuron*, *Popogong*, *Burinsing*, *Luping*, *Geroi*, *Kuale* dan *Teranang* – digunakan untuk tujuan memasak dan menyimpan air. Walau bagaimanapun, tembikar Dusun di Kota Belud dan Tongod berbeza dari segi nama atau terma yang digunakan bagi jenis tembikar dan pantang larang (Suresh & Chia 2013). Kajian perbandingan antara tembikar Dusun dan tembikar prasejarah di Sabah oleh Suresh (2017) menunjukkan bahawa tembikar Dusun mempunyai hubungan budaya dengan tembikar prasejarah dari tapak pedalaman Sabah iaitu Madai, Baturong dan Tapadong. Persamaan antara tembikar Dusun dan tembikar prasejarah di Sabah dapat dilihat dari segi bentuk tembikar dan dekorasi (Suresh 2017).

Secara ringkasnya, kajian etnografi yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia pada tahun 2012 telah berjaya mengumpul data dan maklumat tentang tembikar yang dibuat oleh masyarakat Dusun Minokok di Kampung Kotodon, Tongod, Sabah.

Pada hari ini, tembikar Dusun Minokok hanya dibuat jika menerima tempahan daripada pelanggan. Di Kampung Kotodon, tembikar dibuat daripada tanah liat tempatan menggunakan teknik dan peralatan tradisional. Fungsi tembikar Dusun Minokok adalah untuk kegunaan harian seperti memasak dan menyimpan air. Data dan maklumat tentang teknologi, jenis dan fungsi tembikar Dusun Minokok amat penting kerana seni tembikar merupakan salah satu warisan dan budaya masyarakat Dusun yang diamalkan sejak turun-temurun. Malangnya, pada hari ini tradisi tersebut sedang menempuhi saat-saat kepupusannya. Informasi tentang sejarah, asal-usul dan tradisi tembikar Dusun Minokok di Tongod, Sabah dapat membantu para pengkaji untuk membuat kajian lanjutan daripada aspek-aspek budaya yang berbeza. Contohnya, data etnografi tembikar boleh digunakan untuk tujuan perbandingan dengan tembikar tradisional di Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan lain di Kepulauan Asia Tenggara untuk melihat persamaan dan perbezaan daripada segi teknologi, jenis dan fungsi tembikar. Kajian perbandingan menggunakan pendekatan etnoarkeologi juga dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang hubungan budaya antara tembikar tradisional dan tembikar prasejarah di Sabah dan Kepulauan Borneo.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mantan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Prof. Dato' Dr. Omar Osman kerana memberikan kepercayaan yang tinggi untuk menjalankan kajian ini. Sekalung penghargaan kepada Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin, Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, USM, Pulau Pinang dan timbalannya iaitu Prof. Dr. Stephen Chia Ming Soon diatas minat dan sokongan mereka terhadap kajian etnografi tembikar Dusun di Tongod, Sabah. Kajian ini telah dibiayai oleh Geran Universiti Penyelidikan USM (Projek Penyelidikan Arkeologi Zaman Neolitik Sabah 1001/PARKEO/870002). Penulis juga berhutang budi kepada pembuat tembikar di Kampung Kotodon yang telah berkongsi maklumat tentang asal-usul dan sejarah pembuatan tembikar tradisional di Ulu Tongod. Tidak dilupakan En. Tan Chin Hock dan Jamain Musi, staf Jabatan Muzium Sabah, Kota Kinabalu yang telah memberikan komitmen yang tinggi ketika survei, temu bual serta membantu kerja-kerja merekod dan merakam aktiviti demonstrasi tembikar ketika kerja lapangan etnografi di Kampung Kotodon, Tongod, Sabah.

RUJUKAN

- Alman, J.H. 1960. Bajau Pottery. *Sarawak Museum Journal* 9: 583-602.
- Freeman, J.D. 1957. Iban Pottery. *Sarawak Museum Journal* 8(10): 153-176
- Regis, P. & John-Baptist, J. 1984. Momorun – Lotod Pottery. *Sabah Society Journal* 7(4): 253-261.
- Pike, M. 1970. Pottery Making of Dusunic and Bajau Groups in Sabah. *Borneo Research Bulletin* 2(1): 7-8.
- Suresh Narayanan. 2017. *Past and Present Pottery-Making Traditions in Malaysia: An Ethnoarchaeological Perspective*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Suresh Narayanan & Chia, S. 2013. Etnografi Pembuatan Tembikar Dusun di Sabah, Malaysia: Teknologi, Jenis dan Signifikasi. Kertaskerja dibentangkan di *Seminar Arkeologi Kebangsaan Ke-2*, Pulau Pinang, Malaysia.
- Suresh Narayanan & Chia, S. 2014. Traditional Dusun Pottery-Making at Kampung Melangkap Kapa, Kota Belud, Sabah. *Sabah Society Journal* 31: 1-11.

SUMBER LISAN

- Albinus Assim. 2012. Staf Teknikal di Jabatan Muzium Sabah, Kota Kinabalu. Temu bual, 1 Oktober 2012
- Pitalai Yumsegi. 2012. Pembuat tembikar Dusun Minokok di Kampung Kotodon, Tongod. Temu bual, 25 November 2012
- Tan Chin Hock. 2012. Pakar Konservasi di Unit Konservasi Jabatan Muzium Sabah, Kota Kinabalu. Temu bual, 1 Oktober 2012

Suresh Narayanan (Ph.D)
Pensyarah Kanan
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
Email: sureshnarayanan@usm.my